

Tukar taraf kepada jawatankuasa penaja

KUALA LUMPUR 16 Mei — Seluruh jawatankuasa peringkat cawangan dan bahagian UMNO akan ditukar taraf kepada jawatankuasa penaja mulai 1 Julai ini berikutan daripada perubahan persempadanan 12 bahagian Parlimen baru dan perubahan sempadan kawasan pilihanraya.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penukaran taraf ini juga meliputi jawatankuasa Pemuda dan Wanita di peringkat tersebut.

Beliau berkata, Majlis Tertinggi UMNO dalam mesyuaratnya hari ini memutuskan perubahan status perlu dilakukan kerana penambahan bahagian baru Parlimen dan pindaan sempadan kawasan telah merobah struktur parti di peringkat bawah.

"Bagaimanapun di peringkat bahagian, Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri-Negeri akan mem-

buat cadangan mengenai jawatankuasanya kepada jawatankuasa pengurusan parti bagi membincangkannya dengan Presiden Parti sebelum dikemukakan kepada Majlis Tertinggi untuk diputuskan.

"Sementara jawatankuasa penaja cawangan akan terus berkhidmat sehingga tempoh pilihanraya yang ditetapkan sebelum Disember 1995," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita selepas memengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Mengenai Perhimpunan Agung UMNO tahun ini, beliau berkata, kemungkinan perhimpunan akan diadakan pada 17 hingga 20 November ini.

Untuk perhimpunan tahun ini juga, katanya, bahagian-bahagian UMNO baru berhak menga-

dakan pemilihan untuk menghantar wakil mereka.

Katanya lagi, yuran tahunan bagi tahun lalu boleh dibayar sehingga 31 Mei ini.

Pergerakan

Sementara itu, Setiausaha UMNO, Datuk Mohamed Rahmat ketika menjelaskan lebih lanjut mengenai jawatankuasa penaja itu berkata, 35,000 buah cawangan termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita di seluruh negara akan terlibat dalam penukaran taraf itu.

Ia melibatkan kira-kira 15,000 buah cawangan UMNO dan masing-masing 10,000 buah cawangan Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Menurut beliau, kedudukan UMNO dan jawatankuasa cawangan ini tidak berubah cuma dari taraf jawatankuasa 'dipilih' kepada 'penaja'.

"Kedudukan parti mesti disesuaikan dengan ke-

dudukan kawasan Parlimen dengan menjadikan cawangan UMNO sebagai jawatankuasa penaja," katanya.

Sementara itu, Mohamed berkata, di peringkat bahagian pula ada yang berpecah dua dan ada 25 peratus ahlinya berpindah ke bahagian lain akibat struktur yang berubah kerana pindaan kawasan ini.

Mohamed berkata, Ketua Perhubungan UMNO Negeri akan membuat keputusan mengenai jawatankuasa bahagian termasuk 12 bahagian yang baru bagi dikemukakan kepada jawatankuasa pengurusan parti untuk diteliti oleh presiden parti dan diputuskan oleh Majlis Tertinggi pada atau sebelum 15 Jun ini.

Katanya, MT hari ini juga memutuskan untuk mematuhi Peraturan Fasal 13 Perlembagaan, Ketua Perhubungan Negeri akan menyenaraikan jawatankuasa lengkapnya

dan bilangannya bukan terdiri daripada 11 orang seperti dahulu.

Mengenai Jawatankuasa Penaja Pemuda dan Wanita di cawangan pula, Mohamed berkata, jawatankuasa pemuda dan wanita negeri akan mengikut prosedur yang sama.

MT akan mengumumkan kemudian senarai jawatankuasa penaja semua bahagian UMNO yang diputuskan.

Katanya, proses penyediaan semua cawangan dan bahagian baru UMNO akan turut menentukan hak mengenai aset-aset di peringkat cawangan dan bahagian.

Ditanya mengapa proses itu bermula pada bulan Julai beliau berkata, ia dibuat kerana UMNO menjangkakan bahawa persempadanan baru kawasan pilihanraya akan diisytiharkan secara rasmi pada Julai ini dan ia patut menyiapkan dirinya selaras dengan perubahan itu.